

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH PERSEKUTUAN,
JALAN RAJA
KUALA LUMPUR 01-02.

No.Talipon: 924155

Bil.(102)dmlm.JK/IP 39/54-A

Tarikh: 22hb.Disember,1982

Semua Yang Di Pertua,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,
Sememanjung Malaysia.

Tuan,

Pekeliling Pendaftar Bil.A 4/1982
Denda-Denda Yang Dikutip Secara Ansuran/Akaun
Belum Terima.

Adalah didapati terdapat masaalah dalam melaksanakan Seksyen 283(i) (b) (Kanun Acara Jenayah) dalam mana Mahkamah dibenarkan menggunakan budibicara bagi membayar denda secara ansuran bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang awam. Masaalah yang timbul ialah terdapat setengah-setengah Mahkamah yang tidak dapat memungut denda-denda yang dikenakan sepenuhnya walaupun tindakan-tindakan sewajarnya telah diambil. Ini telah menimbulkan teguran Jabatan Odit. Sejauh ini 2 buah Mahkamah telah melaporkan keadaan tersebut dan Ibu Pejabat terpaksa mendapatkan kuasa YB Menteri Kewangan untuk membiarkan hutang tersebut tidak dikutip.

2. Pihak Perbendaharaan pula dalam menyampaikan kuasa YB Menteri Kewangan kepada saya telah menyebutkan antara lain:-

"Walaupun bagaimanapun Perbendaharaan berharap pihak tuan akan mengambil tindakan yang tegas bagi memastikan kejadian seperti ini tidak berulang yang mana membazirkan hasil Kerajaan sahaja dan adalah diharap tuan tidak akan ragu-ragu mengambil Surcaj atau tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang cuai dalam menjalankan tugasnya itu."

3. Untuk membolehkan semua denda-denda dikutip sepenuhnya, saya berharap peruntukan "budibicara" (discretion) yang termaktub di dalam Seksyen 283(i)(b) (Kanun Acara Jenayah) itu digunakan dengan berhati-hati dan penuh bijaksana oleh Mahkamah-Mahkamah dan bersukacita jika denda-denda dapat dielakkan dari dikutip secara ansuran.

Sekian, dimaklumkan dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'.

t.t. Siti Norma Yaakob

Ketua Pendaftar

Jabatan Kehakiman Malaysia,

Kuala Lumpur.

s.k.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Pentadbir.

Pegawai Kerja Akaun I & Pegawai Kerja Akaun II.

SS/Tn.